

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]
TARIKH : 18 JUN 2014
SOALAN :

YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa Kerajaan tidak membina satu hospital besar di Penampang memandangkan satu-satunya poliklinik yang sedia ada di daerah Penampang kini dibebani dengan peningkatan populasi yang begitu tinggi dan yang memerlukan perkhidmatan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak bercadang untuk membina sebuah Hospital baru di Penampang memandangkan kemudahan kesihatan sedia ada di kawasan berkenaan sudah berupaya menampung keperluan penduduk di Penampang dan sekitarnya.

Menyedari dengan kepesatan pembangunan di Daerah Penampang, KKM telah meluluskan projek membina Klinik Kesihatan Penampang

Jenis 3 yang baru di Kampung Dambai yang terletak kira-kira 1KM daripada Pekan Donggongan. Projek ini sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2017. Klinik baru ini mempunyai kelengkapan yang sama dengan Klinik Kesihatan Jenis 3 yang ada di seluruh Malaysia termasuk rumah kuarters. Dengan pembinaan klinik baru ini, dijangkakan perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti dapat diberikan kepada semua penduduk di Daerah Penampang.